

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05/01/2018

ISU FELDA HILANG HAK MILIK TANAH

Audit siasat unsur salah guna kuasa, rasuah

➔ Siasatan babit semua aktiviti, keputusan dan tindakan berkaitan projek dibangunkan Synergy Promenade

Oeh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my
Kuala Lumpur

Jabatan Perdana Menteri (JPM) sudah melantik sebuah firma audit luar untuk melaksanakan audit forensik ke atas projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) yang dibangunkan Synergy Promenade Sdn Bhd (SPSB) atas tanah milik FELDA, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, firma audit ini akan menjalankan audit forensik terhadap semua aktiviti, keputusan dan tindakan berkaitan dengan projek ini serta menilai semula proses pengawalan yang berkaitan, termasuk kelemahan dalam pentadbiran dalaman serta pengawasan FELDA ke atas FELDA Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Laporan dijangka siap dalam tempoh 30 hari

Katanya, siasatan firma audit ini yang turut membabitkan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dijangka siap dalam tempoh 30 hari dan laporan penuh akan dikemukakan kepada JPM.

"Pelantikan firma audit ini adalah susulan arahan saya kepada FELDA dalam surat bertarikh 11 Disember 2017, untuk menentu-

kan sama ada berlaku ketidakpatuhan kepada tatacara sedia ada atau berlaku unsur salah guna kuasa serta perlakuan rasuah berkaitan projek KLVC.

"Dalam surat yang dihantar JPM kepada Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Abdul Samad, saya mengarahkan FELDA membuat laporan polis terhadap SPSB untuk *criminal fraud* serta mengambil tindakan undang-undang untuk *civil fraud* bagi pemindahan hak milik tanah FELDA tanpa pengetahuan dan kebenaran.

"Saya mengarahkan tindakan ini diambil bagi melindungi kepentingan FELDA dan peneroka tidak dikompromi serta bagi memastikan tanah terbabit terus kekal menjadi milik FELDA," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pada 21 Disember lalu, BH melaporkan FELDA berisiko kehilangan hak ke atas tanah strategik di Jalan Semarak di sini yang dianggarkan bernilai lebih RM200 juta apabila dipercayai bertukar hak milik menerusi transaksi diragui sejak 2015.

Tanah itu kini dimajukan dengan projek KLVC membabitkan tujuh menara, termasuk menara ikonik FELDA dikenali sebagai KLVC Tower1A.

Sehari selepas itu, Najib menerusi akaun Twitter beliau mahu siasatan terperinci dijalankan pihak berkuasa serta-merta dan tindakan akan diambil terhadap se-



Pelantikan firma audit ini adalah susulan arahan saya kepada FELDA dalam surat bertarikh 11 Disember 2017, untuk menentukan sama ada berlaku ketidakpatuhan kepada tatacara sedia ada atau berlaku unsur salah guna kuasa serta perlakuan rasuah berkaitan projek KLVC"

Najib Razak,
Perdana Menteri

barang kecuiaan atau salah laku, berasaskan laporan siasatan.

Polis jalankan siasatan

Dalam kenyataan hari ini, Najib juga berkata pihak polis sudah menjalankan siasatan dan tanah terbabit turut dikaveat.

Justeru, kata Perdana Menteri, laporan yang mengatakan tanah itu sudah hilang adalah tidak tepat.

"Kaveat Pendaftar yang dikenakan ke atas tanah itu akan memastikan kepentingan FELDA dilindungi," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, tindakan undang-undang akan diambil jika siasatan firma audit luar dan polis menunjukkan adanya salah laku oleh mereka yang terbabit dalam projek ini yang sudah dipersetujui pada 2014.



Keratan akhbar BH,
21 Disember lalu.

BH - 5/1/2018
Pg. 2